

Indeks Belia MALAYSIA 2011

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

© Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBm) 2011

IPPBm adalah sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, institusi ini akan melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan dan latihan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan program penyelidikan dan latihan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
ISSN 1985-58885

Penyelidik Indeks Belia Malaysia 2011

1. Dr. Ismi Arif bin Ismail (Universiti Putra Malaysia)
2. Dr. Haslinda bt. Abdullah (Universiti Putra Malaysia)
3. Dr. Sarjit Singh Darshan Singh (Universiti Putra Malaysia)
4. Dr. Samsilah bt. Roslan (Universiti Putra Malaysia)
5. Dr. Abdul Lateef Abdullah Krauss (Universiti Putra Malaysia)
6. Dr. Wendy Yee Mei Tien (Universiti Malaya)
7. Dr. Janice Nga Lay Hui (Universiti Sabah Malaysia)
8. Dr. Russayani bt. Ismail (Universiti Utara Malaysia)
9. Haji Zakariah bin. Md Sam (IPPBm)
10. Zul Fadhli bin. Abd Aziz (IPPBm)
11. Suraya bt. Sulaiman (IPPBm)
12. Mastura bt. Mohamad (IPPBm)
13. Shahhanim bt. Yahya (IPPBm)
14. Shariffah bt. Mamat (IPPBm)

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
Aras 10, Menara KBS, No. 27 Persiaran Perdana,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603-8871 3705
Faks: 603-8871 3342
info@ippbm.gov.my
Laman web: www.ippbm.gov.my

ISI KANDUNGAN

4	▲	Kata Aluan Menteri Belia dan Sukan
5	▲	Kata Aluan Ketua Pegawai Operasi
6	▲	Pengenalan
7	▲	Metodologi
9	▲	Kaedah Pembentukan Skor Indeks
10	▲	Indeks Belia Malaysia (IBM)
12	▲	Skor Indeks Belia Malaysia (IBM)
13	▲	Perbandingan Skor IBM'06, IBM'08 Dengan IBM'11
16	▲	Domain Indeks Belia Malaysia (IBM) 1. Pembangunan Kendiri 2. Hubungan Sosial 3. Identiti 4. Potensi Diri 5. Waktu Senggang 6. Kesihatan 7. Ketembusan Media 8. Tingkah Laku Devian 9. Kesejahteraan Ekonomi
29	▲	Kesimpulan
30	▲	Jadual Perbandingan Mengikut Faktor Demografi
42	▲	Istilah
44	▲	Kronologi Gerak Kerja Penyediaan IBM 2011

Indeks Belia Malaysia (IBM) 2011 telah berjaya dihasilkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dengan kerjasama sarjana dan ilmuwan dari Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah. IBM'11 berperanan sebagai pangkalan data mengenai kualiti dan kesejahteraan hidup golongan belia bagi tahun semasa. Seperti sebelum ini, dapatan IBM'11 dibandingkan dengan IBM'06 dan IBM'08 bagi memberikan gambaran semasa pola gaya fikir dan gaya hidup populasi Belia Malaysia.



Saya yakin IBM'11 boleh dijadikan sumber rujukan kepada semua pemegang taruh yang terlibat dalam usaha memartabatkan imej belia Malaysia. Belia adalah generasi pewaris yang memiliki potensi sebagai penjana transformasi negara. Pembangunan belia positif yang berfokus adalah penting bagi memastikan sumbangan golongan belia disalurkan ke arah kelestarian kemakmuran dan kemajuan negara.

Malaysia komited untuk terus menjadikan IBM sebagai penanda aras bagi menentukur pencapaian prestasi semua agensi dan individu yang terlibat dalam pelan tindakan pembangunan belia negara. IBM'11 adalah input dalam merencana kesinambungan strategi pembangunan belia selepas IBM'06 dan IBM'08. Dengan adanya IBM'11 ini maka penilaian program pembangunan belia dapat dilaksanakan secara berterusan selaras dengan matlamat merealisasikan Gagasan 1Malaysia dan Wawasan 2020.

'1 Belia 1 Malaysia'

Sekian, terima kasih.

DATO' SRI AHMAD SHABERY BIN CHEEK

Menteri Belia Dan Sukan Malaysia

Alhamdulillah dengan kerjasama dan kesungguhan pelbagai pihak yang merancang serta melaksanakan setiap tahap pelaksanaan dengan penuh hati-hati maka Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPB) telah berjaya menerbitkan Indeks Belia Malaysia 2011 (IBM'11). Berdasarkan pengalaman IBM'06 dan IBM'08 yang telah dilaksanakan, IBM'11 diperkemas lagi dengan menambah domain dan beberapa indikator bagi melihat isu yang berkaitan dengan keadaan semasa yang memberi kesan dalam pembangunan belia kini.



Dalam IBM'11, di samping mengekalkan domain terdahulu, domain Kesejahteraan Ekonomi telah diperkenalkan bagi melihat sejauh mana jaminan kewangan, kebebasan kewangan, penggajian dan kebolehpekerjaan di kalangan belia pada masa kini. Domain ini penting diberi perhatian kerana kesejahteraan ekonomi kini secara tidak langsung memberi pengaruh yang besar dalam pembangunan sosial belia.

Berdasarkan perbandingan Skor IBM bagi tahun 2006, 2008 dan 2011 didapati bahawa berlaku peningkatan positif yang ketara di kalangan belia terutamanya dalam petunjuk domain tingkahlaku devian. Malah belia kini semakin bijak dalam mengisi waktu senggang dengan aktiviti-aktiviti yang positif. Perkembangan belia positif sentiasa diberi perhatian oleh setiap pihak supaya dapat melahirkan pewaris negara yang matang dan mantap dalam memimpin negara pada masa akan datang.

Dengan kewujudan IBM ini dapat membantu pelbagai pihak dalam merangka, mengatur dan merencanakan program pembangunan belia yang positif secara holistik dalam usaha menyediakan Belia Malaysia yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

'1 Belia 1 Malaysia'
Sekian, terima kasih.

HJ. ZAKARIAH BIN MD SAM

Ketua Pegawai Operasi
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
Kementerian Belia dan Sukan

Indeks Belia Malaysia (IBM) adalah instrumen yang dibentuk bertujuan memantau perkembangan kualiti hidup dan kesejahteraan generasi belia di Malaysia. Kejayaan penghasilan IBM pertama pada tahun 2006 dan kedua pada tahun 2008 menjadi asas kukuh kepada pembentukan IBM untuk tahun 2011. Pembentukan IBM membolehkan pihak bertanggungjawab berkaitan dengan pembangunan belia memantau pola perkembangan gaya hidup dan gaya fikir generasi belia masakini. Walaupun Indeks ini tidak secara langsung mengukur keberkesanan pelbagai program pembangunan belia yang telah dilaksanakan, IBM memberikan maklumat penting tentang ruang dan bidang yang boleh dijadikan tumpuan program pembangunan generasi belia Malaysia.

IBM'06 dan IBM'08 memberikan manfaat kepada pelbagai pihak kerana ia memberikan indikator yang boleh diukur bagi memantau perkembangan pelbagai aspek dalam pembangunan generasi belia. Seperti yang dicadangkan Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Sosial, data IBM dipantau dan dikemaskini secara berkala agar sesuatu hasil yang dapat dianalisis bagi menentukan bidang keperluan pelaksanaan program pembangunan generasi belia.

Pembentukan IBM juga memberikan panduan kepada semua pemegang taruh termasuk pekerja belia untuk mengenal pasti bidang tumpuan yang memerlukan penambahbaikan dalam usaha meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup generasi belia secara menyeluruh. Transformasi pembangunan belia yang lebih berfokus perlu diwujudkan supaya potensi generasi belia dapat dibimbing dan disokong agar jatidiri belia dapat diserlahkan sepertimana termaktub dalam Dasar Pembangunan Belia Negara.

Indikator yang digunakan dalam IBM adalah ke arah mengukur pembangunan belia positif dan mengenal pasti pola gaya fikir dan gaya hidup belia Malaysia masa kini. Indikator positif bertujuan menggambarkan matlamat melahirkan generasi belia yang memiliki kualiti modal insan positif ke

arah merealisasikan Wawasan 2020.

IBM'11 mengandungi 62 indikator yang dikelompokkan dalam sembilan domain berbanding lapan domain dan 47 indikator pada IBM'08. Pertambahan domain Kesejahteraan Ekonomi dan 21 indikator baharu ini amat penting bagi meninjau realiti perkembangan belia semasa secara lebih menyeluruh. Sembilan domain yang menjadi teras IBM'11 adalah:

- Pembangunan Kendiri
- Hubungan Sosial
- Identiti
- Potensi Diri
- Waktu Senggang
- Kesihatan
- Ketembusan Media
- Tingkah Laku Devian
- Kesejahteraan Ekonomi



Rekabentuk Kajian

Kajian ini bertujuan melaporkan keadaan belia semasa. Merujuk kepada Indeks Belia Malaysia yang lepas dan indeks nasional yang lain, jelas menunjukkan suatu pendekatan unik perlu dihasilkan. Memahami kompleksiti kajian, pasukan penyelidik mengenal pasti kaedah sistematik bagi mencapai kualiti kerja tinggi supaya sampel dapat mewakili populasi dan mencerminkan keadaan sebenarnya. Justeru, mekanisme kebarangkalian digunakan untuk mendapatkan sampel rawak yang dapat mewakili populasi.

Penggarisan Sampel

Rangka Persampelan Isi Rumah Kebangsaan (RPIK) digunakan setelah mendapat runding nasihat daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Blok Penghitungan (BP) digunakan berdasarkan Banci 2000. Dalam setiap BP, terdapat sejumlah 80 – 120 Tempat Kediaman (TK) atau kira-kira 600 residen dalam setiap BP. Bagi setiap BP, 16 TK dipilih. Persampelan berstrata dua peringkat digunakan, iaitu mengikut pembahagian negeri, diikuti pembahagian antara kawasan bandar dan luar bandar. Bagi memastikan populasi sasaran mendapat peluang yang sama untuk dipilih, saiz sampel dikira mengikut persampelan bertahap menurut pembahagian negeri, bandar dan luar bandar, serta kumpulan umur (15-40 tahun). Pada aras keyakinan 95%, skor piawai $Z=1.96$, $d=0.035$ dan $p=0.5$, saiz sampel yang disasar ialah 196 BP bersamaan 3,133 TK atau 6267 responden (2 responden bagi setiap TK). 16 TK dipilih bagi setiap BP.

Rekabentuk Soal Selidik

IBM'11 merupakan kajian bersambung berdasarkan IBM'08 dan IBM'06 dengan penyesuaian domain dan indikator mengikut keperluan dan tuntutan semasa. Sebagai contoh, perbincangan kumpulan berfokus diadakan. Ia melibatkan belia dan golongan muda daripada kumpulan berlainan latar belakang untuk memberi input kepada rekabentuk borang soal selidik yang memperkukuh rekabentuk keseluruhan, dan memastikan kerelevanan isu yang dikemukakan adalah bersesuaian dengan

trend dan keadaan belia semasa. Data daripada perbincangan kumpulan berfokus disemak dan dimurnikan dengan instrumen IBM'08 untuk memastikan kesahihan domain dan pernyataan item, justeru menghasilkan tiga domain tambahan. Selain itu, kajian rintis berinteraktif dijalankan untuk memastikan penggunaan perkataan dan pernyataan bagi setiap item individu adalah jelas maksudnya dan relevan kepada responden. Langkah-langkah lain yang diambil untuk memperkukuh metodologi keseluruhan IBM'11 termasuklah perbincangan terperinci dan sesi maklum-balas bersama agensi berkaitan seperti Kementerian Kesihatan dalam penentuan kesesuaian item berkaitan kesihatan mengikut keutamaan belia Malaysia. Khidmat nasihat Jabatan Perangkaan Malaysia turut diambil kira pada awal kajian untuk memastikan rangka persampelan mewakili populasi nasional. Penelitian dan perincian persampelan ini merupakan suatu penambahbaikan yang amat penting berbanding dengan edisi IBM'08 dan IBM'06 yang mana sampelnya bukan rawak kerana bergantung kepada responden berinternet.

Pengumpulan Data

Pasukan penyelidik berpendapat bahawa penemuduga memainkan peranan penting untuk memastikan kejayaan kajian ini. Justeru, latihan kepada penemuduga merupakan suatu keperluan. Latihan kepada penemuduga merangkumi penggunaan suatu manual bertulis dan latihan praktikal. Manual bertulis merangkumi semua maklumat yang diperlukan oleh penemuduga seperti penjelasan atau teknik menyoal kepada responden, menonjolkan perkara dan soalan dalam soal selidik dan peta BP yang memerlukan perhatian. Untuk latihan praktikal, ia termasuklah rakaman klip video yang dibekalkan kepada semua penemuduga. Negeri Melaka telah dipilih sebagai negeri bagi kajian rintis sebelum dilaksanakan ke seluruh negeri Malaysia. Di samping itu, penemuduga bebas untuk menghubungi pasukan penyelidik bagi mendapatkan penjelasan pada bila-bila masa.

Selain daripada menyediakan alat bantu kepada



penemuduga untuk dirujuk pada bila-bila masa diperlukan, ia meningkatkan pemahaman dan potensi penemuduga dalam pengumpulan data. Pendekatan ini mengatasi kekangan masa, ruang dan kewangan.

Kekangan Kajian

Kajian ini menggunakan sampel berkebarangkalian di 12 negeri dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Walau bagaimanapun, bagi negeri Sarawak, enumerator menghadapi cabaran untuk mencapai responden di kawasan terpencil sepertimana yang dicadang mengikut rekabentuk sampel RPIK. Atas kekangan yang wujud, rekabentuk RPIK tidak dapat digunakan dan menyebabkan pendekatan persampelan yang berlainan terpaksa digunakan. Semasa mengutip data, pasukan penyelidik menggunakan peserta program belia di Kuching, Bintulu, Samarahan dan Miri. Sebanyak 200 responden diambil dari Miri dan 100 responden masing-masing dari Kuching, Bintulu dan Samarahan, bagi mewakili kawasan luar bandar dan bandar. Perlu diingatkan bahawa responden Sarawak mewakili hanya 8.3% daripada jumlah sampel.




Berdasarkan kepada Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007, belia Malaysia adalah didefinisikan sebagai mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Sehubungan dengan Indeks Belia Malaysia 2006 dan 2008, Indeks Belia Malaysia 2011 (IBM '11) dibina untuk menyediakan laporan yang komprehensif berkaitan kualiti hidup dan juga kebajikan belia di Malaysia. Sejumlah 5720 sampel responden dalam kalangan belia telah dipilih berdasarkan populasi nasional, dengan mengambil kira jantina, keturunan, kategori umur dan penempatan. Kajian lapangan bagi kutipan data telah dijalankan bermula Februari sehingga Julai 2011.

Dalam pembinaan IBM '11, satu domain baru iaitu kesejahteraan ekonomi telah ditambah kepada lapan domain yang sedia ada untuk mewakili kualiti kesejahteraan ekonomi belia Malaysia. Bagi menambah

sensitiviti ditambah berdasarkan kepada kepentingan keduanya. Kelangsungan daripada perbincangan bersama Kementerian Kesihatan, empat indikator baru telah dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam domain kesihatan. Bagi tingkah laku devian, tujuh indikator baru ditambah manakala bagi waktu senggang satu indikator baru ditambah.

Indeks Belia Malaysia menggunakan skor 100 sebagai skor maksimum. Semakin tinggi skor, maka lebih baik kualiti hidup keseluruhan belia Malaysia. Bagi memudahkan pemahaman tentang prestasi belia bagi setiap domain, skala di bawah digunakan.



Untuk mendapatkan skor indeks belia Malaysia, purata skor bagi semua 9 domain dikira. Daripada purata skor setiap indikator, skor domain diperolehi. Berikut adalah formula bagi pengiraan skor IBM:

$$\text{Skor Indikator} : \sum_{i=1} \left[\frac{M1 - Ms}{R} \right] \times 100$$

$$\text{Skor Domain} : X_w = \left[\sum \left[\frac{M1 - Ms}{R} \right] \right] \times 100$$

$$\text{Skor Indeks} : \bar{X} \text{ indeks} = \frac{\sum Ms \text{ domain}}{N \text{ domain}}$$

Petunjuk:-

Σ : Jumlah skor mengikut dimensi

M1 : Min

Ms : Skor minimum

R : Range (skor maksimum tolak skor minimum)

100 : Nilai min tertinggi yang dianggarkan

X : Jumlah keseluruhan nilai min skor mengikut dimensi

N : Bilangan

kekuatan pengukuran domain tertentu, sebanyak 21 indikator baru ditambah menjadikan keseluruhan indikator berjumlah 62.

Sebanyak dua indikator baru ditambah di dalam domain pembangunan sendiri - keagamaan dan integriti. Bagi domain identiti pula, pendayaupayaan belia ditambah sebagai indikator baru. Berkaitan dengan potensi diri, indikator kepentingan alam sekitar dan



Rajah 1: Domain dan Indikator dalam Indeks Belia Indeks Malaysia 2011 (IBM11)

01	PEMBANGUNAN KENDIRI	02	HUBUNGAN SOSIAL	03	IDENTITI	04	POTENSI DIRI	05	WAKTU SENGGANG
	• Penghargaan sendiri • Efikasi diri • Motivasi • Kecerdasan emosi • Asertif • Tiada kemurungan • Tiada tekanan • Integriti • Keagamaan		• Hubungan dengan ibu bapa/keluarga • Hubungan dengan masyarakat • Hubungan dengan rakan		• Daya saing • Sukarelawan • Patriotik • Perpaduan • Sosialisasi politik • Pendayaupayaan		• Kepimpinan • Keusahawanan • Sensitiviti • Kesedaran alam sekitar		• Sukan • Kelab/persatuan • Aktiviti masa lapang



06

KESIHATAN

- Tiada tekanan darah tinggi
- Tiada penyakit kencing manis
- Tiada penyakit kanser
- Tiada sakit jantung
- Tiada sakit buah pinggang
- Tiada penyakit asma
- Tiada penyakit HIV/AIDS
- Tiada lebih berat badan/obesiti
- Tiada penyakit berjangkit (Tibi dll)
- Tiada insomnia
- Tiada gastrik
- Tiada penyakit jangkitan seks (std)

07

KETEMBUSAN MEDIA

- Televisyen percuma
- Televisyen berbayar
- Radio`
- Surat khabar/ majalah
- Buku
- Telefon bimbit
- Komputer
- Internet
- CD/DVD/Mp3/ Mp4/dll

08

TINGKAH LAKU DEVIAN

- Tidak minum arak sehingga mengganggu ketenteraman awam
- Tidak mengambil dadah/ bahan terlarang
- Tidak berjudi sehingga berhutang
- Tidak melakukan seks sebelum berkahwin
- Tidak merosakkan harta benda awam
- Tidak berlumba motor haram (merempit)
- Tidak mengedar dadah/ bahan terlarang
- Tidak membawa senjata
- Tidak memeras ugut
- Tidak mencuri hak milik orang lain
- Tidak mencederakan orang lain
- Tidak terlibat dalam gangsterisme
- Tidak terlibat dalam jenayah siber

09

KESEJAHTERAAN EKONOMI


- Jaminan kewangan
- Kebebasan kewangan
- Penggajian
- Kebolehepekerjaan

Skor Indeks Belia Malaysia '11 adalah dikira berdasarkan purata daripada jumlah skor sembilan domain. Seperti Indeks sebelum ini, skor domain pula dikira berdasarkan purata daripada jumlah skor indikator pada setiap domain.

Jadual 1:
Indeks Belia Malaysia 2011

	2006	2008	2011
Pembangunan Kendiri	68.8	66.5	67.2
Hubungan Sosial	73.5	66.7	69.0
Identiti	57.2	63.7	58.0
Potensi Diri	59.2	63.9	66.7
Waktu Senggang	21.0	29.3	30.2
Kesihatan	97.7	97.1	97.4
Ketembusan Media	84.8	85.0	87.4
Tingkah laku Devian	87.4	87.8	98.0
Kesejahteraan Ekonomi	-	-	46.9
Skor IBM	68.7	70.0	69.0

Rajah 2: Indeks Belia Malaysia 2011



- 2006
- 2008
- 2011
- Tahap sangat baik
- Tahap sederhana baik
- Tahap kurang baik



Jadual 2 : Perbandingan Skor IBM'06, IBM'08 dan IBM'2011

Domain	Indikator	Skor Tahun 2006	Skor Domain 2006	Skor Tahun 2008	Skor Domain 2008	Skor Tahun Semasa 2011	Skor Domain 2011
Pembangunan Kendiri	Penghargaan Kendiri	71.9		73.6		72.5	
	Efikasi Diri	71.1		71.6		71.8	
	Motivasi	72.9		73.4		73.2	
	Kecerdasan Emosi	58.3		40.2		62.9	
	Asertif	56.5		76.4		63.3	
	Tiada Kemurungan	61.0		76.3		80.4	
	Tiada Tekanan	89.9		53.7		36.2	
	*Integriti	-		-		71.2	
	*Keagamaan	-		-		73.4	
		68.8		66.5		67.2	
Hubungan Sosial	Hubungan dengan Ibu Bapa/Keluarga	73.5		72.8		71.1	
	Hubungan dengan Masyarakat	-		54.4		63.9	
	Hubungan dengan Rakan	-		72.90		72.0	
		73.5		66.7		69.0	
Identiti	Daya Saing	63.1		64.3		56.6	
	Sukarelawan	48.1		67.4		65.4	
	Patriotik	68.2		69.4		64.0	
	Perpaduan	73.5		76.0		71.1	
	**Sosialisasi Politik	32.9		41.2		35.2	
	*Pendayaupayaan	-		-		55.8	
		57.2		63.7		58.0	
Potensi diri	Kepimpinan	67.2		65.3		56.6	
	Keusahawanan	51.6		63.3		68.6	
	Kemahiran	58.8		63.1		-	
	*Sensitiviti	-		-		72.3	
	*Kesedaran Alam Sekitar	-		-		69.1	
		59.2		69.3		66.7	

* Domain dan sub-domain baru, ** 21- 40 tahun

Domain	Indikator	Skor Tahun 2006	Skor Domain 2006	Skor Tahun 2008	Skor Domain 2008	Skor Tahun Semasa 2011	Skor Domain 2011
Waktu Senggang	Sukan	14.3		47.7		21.3	
	Senaman	28.8		29.2		-	
	Kelab/Persatuan	19.9		10.9		17.8	
	*Aktiviti Masa Lapang	-		-		51.5	
			21.0		29.3		30.2
Kesihatan	Tiada tekanan darah tinggi	95.6		94.0		95.0	
	Tiada penyakit kencing manis	98.5		97.3		98.0	
	Tiada penyakit kanser	99.8		99.7		99.9	
	Tiada sakit jantung	99.1		99.1		99.6	
	Tiada sakit buah pinggang	99.1		99.1		99.5	
	Tiada penyakit asma	94.2		92.8		95.1	
	Tiada penyakit HIV/AIDS	99.9		99.8		99.9	
	Tiada lebihan berat badan/obesiti	95.0		94.8		96.3	
	* Tiada penyakit berjangkit (tibi dll)	-		-		99.8	
	* Tiada insomnia	-		-		97.2	
	* Tiada gastrik	-		-		89.3	
	* Tiada penyakit jangkitan seks (STD)	-		-		99.8	
			97.7		97.1		97.4
Ketembusan Media	Televisyen Percuma	96.9		95.3		95.6	
	Televisyen Berbayar	66.7		75.9		77.0	
	Radio	94.8		90.8		92.5	
	Surat Khabar/Majalah	95.2		93.7		95.2	
	Buku	84.6		83.3		88.1	
	Telefon Bimbit	93.1		94.9		96.6	
	Komputer	79.3		79.7		83.3	
	Internet	-		74.3		82.1	
	CD/DVD/MP3/MP4/dll	67.5		77.4		76.1	
			84.8		85.0		84.7

* Domain dan sub-domain baru, ** 21- 40 tahun

Domain	Indikator	Skor Tahun 2006	Skor Domain 2006	Skor Tahun 2008	Skor Domain 2008	Skor Tahun Semasa 2011	Skor Domain 2011
Tingkah Laku Devian	Tidak merokok	73.7		74.6		-	
	Tidak minum arak sehingga mengganggu ketenteraman awam	84.2		85.9		98.9	
	Tidak mengambil dadah /bahan terlarang	98.2		98.7		99.0	
	Tidak berjudi sehingga berhutang	86.6		88.7		99.0	
	Tidak membaca bahan lucah	88.9		86.4		-	
	Tidak melakukan seks luar nikah/ sebelum berkahwin	92.1		92.8		97.3	
	Tidak melepak	73.2		70.9		-	
	Tidak merosakkan harta benda awam	94.6		95.8		97.7	
	Tidak berlumba motor haram (merempit)	95.4		96.3		96.4	
	*Tidak mengedar dadah /bahan terlarang	-		-		99.6	
	*Tidak membawa senjata	-		-		94.5	
	*Tidak memeras ugut	-		-		98.9	
	*Tidak mencuri hak milik orang lain	-		-		97.9	
	*Tidak mencederakan orang lain	-		-		97.9	
	*Tidak terlibat dalam gangsterisme	-		-		98.6	
	*Tidak terlibat dalam jenayah siber	-		-		98.0	
		87.4		87.8		98.0	
* Kesejahteraan Ekonomi	*Jaminan Kewangan	-		-		50.7	
	* Kebebasan Kewangan	-		-		43.0	
	*Penggajian	-		-		44.3	
	*Kebolehpkerjaan	-		-		49.8	
		-				46.9	
Skor IBM		68.7		70.0		69.0	

* Domain dan sub-domain baru, ** 21- 40 tahun


1. Pembangunan Kendiri

Terdapat dua indikator baru dalam IBM'11 berbanding IBM'06 dan IBM'08. Dua indikator tersebut adalah Integriti dan Keagamaan. Skor keseluruhan untuk domain Pembangunan Kendiri tanpa dua indikator baru bagi tahun 2011 adalah 65.8 menunjukkan penurunan sebanyak 0.7. Penurunan ini mungkin dipengaruhi oleh tiga indikator utama, iaitu Kecerdasan Emosi, Asertif dan Tiada Tekanan di mana masing-masing mempunyai skor yang rendah secara relatif. Walau bagaimanapun, skor keseluruhan Pembangunan Kendiri menunjukkan sedikit peningkatan, iaitu sebanyak 0.7 dan ia berkemungkinan dipengaruhi oleh dua indikator baru tersebut. Perlu ditekankan bahawa perbandingan yang dilakukan di dalam skor ini tidak boleh dilakukan secara terus disebabkan oleh penambahan item dan indikator dalam domain Pembangunan Kendiri. Data terperinci bagi setiap indikator pada domain tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 3:
Domain Pembangunan Kendiri

Indikator	2006	2008	2011
Penghargaan Kendiri	71.9	73.6	72.5
Efikasi Diri	71.1	71.6	71.8
Motivasi	72.9	73.4	73.2
Kecerdasan Emosi	58.3	40.2	62.9
Asertif	56.5	76.4	63.3
Tiada Kemurungan	61.0	76.3	80.4
Tiada Tekanan	89.9	53.7	36.2
Skor IBM	68.8	66.5	65.8
Indikator Baru			
Integriti	-	-	71.2
Keagamaan	-	-	73.4
Jumlah Skor IBM	68.8	66.5	67.2

Rajah 3: Domain Pembangunan Kendiri



Berdasarkan data, indikator-indikator tertentu memberi gambaran bahawa perhatian serius perlu diberikan oleh pemegang taruh yang membangun generasi belia. Jadual 3 jelas menunjukkan bahawa:

- Tiga indikator pertama domain Pembangunan Kendiri tidak menunjukkan banyak perbezaan berbanding tahun-tahun sebelumnya.
- Tiga indikator seterusnya iaitu Kecerdasan Emosi, Tiada Tekanan dan Tiada Kemurungan menunjukkan perbezaan yang ketara di mana Kecerdasan Emosi melonjak sebanyak 22.7 dalam masa dua tahun manakala skor Tiada Tekanan menurun sebanyak 17.5. Tiada Kemurungan pula menunjukkan perbezaan yang ketara dalam masa enam tahun di mana skor bagi tahun 2011 meningkat sebanyak 19.4 berbanding skor bagi tahun 2006. Salah satu kemungkinan bagi dapatan ini adalah

walaupun belia Malaysia berada dalam keadaan tertekan, kecerdasan emosi yang meningkat dalam kalangan belia mengimbangi keadaan tersebut dan tidak membawa kepada kemurungan.

- Walaupun tahap Tiada Kemurungan menunjukkan skor yang baik, dalam konteks kesihatan mental jumlah 19.4 masih perlu diberi perhatian yang serius.

- Perbezaan yang ketara bagi ketiga-tiga indikator mungkin disebabkan oleh penambahan item kepada indikator-indikator tersebut.

- Walau bagaimanapun, IBM '11 yang menggunakan indikator yang komprehensif menunjukkan bahawa Kecerdasan Emosi dan Asertif berada pada tahap sederhana manakala tahap Tekanan yang agak tinggi dalam kalangan populasi belia.

- Secara keseluruhannya skor bagi domain Pembangunan Kendiri berada pada tahap baik, namun penambahbaikan perlu dilakukan memandangkan indikator-indikator yang dikaji merupakan aset penting bagi pembangunan individu.



2. Hubungan Sosial

Domain Hubungan Sosial IBM'11 mengekalkan ketiga-tiga indikator. Item-item bersesuaian dengan indikator dikemaskini berdasarkan keperluan semasa. Domain Hubungan Sosial mencapai skor 69.0. Hasil skor ini mencadangkan ada kemungkinan hubungan sosial mencapai kestabilan. Peningkatan sedikit dalam nilai skor menunjukkan belia Malaysia berjaya mengekalkan hubungan sosial yang memuaskan bersama ibu bapa (keluarga), masyarakat dan rakan.

Jadual 4:
Domain Hubungan Sosial

Indikator	2006	2008	2011
Hubungan dengan Ibu Bapa/Keluarga	73.5	72.8	71.1
Hubungan dengan Masyarakat	-	54.4	63.9
Hubungan dengan Rakan	-	72.9	72.0
Skor IBM	73.5	66.7	69.0

Berdasarkan skor indikator dalam Jadual 4, beberapa rumusan dapat dibuat seperti berikut:

- Skor untuk hubungan dengan ibu bapa (keluarga) menurun daripada 72.8 pada tahun 2008 kepada 71.1 pada tahun 2011 (73.5 pada 2006). Walaupun nilai penurunan adalah kecil dan tidak membimbangkan buat masa ini, namun perhatian dan penyelidikan selanjutnya perlu dijalankan untuk mengenal pasti dan menangani isu berkenaan memandangkan ia suatu trend penurunan yang berterusan melalui masa. Keadaan ini mungkin berkaitan dengan fenomena 'yang dekat berjauhan, yang jauh berdekatan' yang merupakan sebahagian daripada sumbangan penggunaan internet berleluasa.

- Skor untuk hubungan antara belia dan masyarakat telah mengalami peningkatan yang signifikan dan agak memberangsangkan, iaitu dari 54.4 pada tahun 2008 kepada 63.9 pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, perlu diberi perhatian bahawa skor ini adalah skor yang paling rendah di antara ketiga-tiga indikator.

- Skor untuk hubungan antara belia dengan rakan menunjukkan sedikit penurunan daripada 72.9 pada tahun 2008 kepada 72.0 pada tahun 2011.

- Skor di atas menunjukkan belia Malaysia dapat menyesuaikan diri dengan lebih baik untuk jaringan dalaman, iaitu keluarga dan rakan dan jaringan luaran yang melibatkan masyarakat secara meluas. Walaupun wujudnya sedikit peningkatan dalam penyesuaian diri dalam masyarakat akibat peningkatan peluang komunikasi dalam kalangan masyarakat seperti melalui jaringan sosial dan kesediaan maklumat, namun belia Malaysia masih memerlukan peningkatan kemahiran untuk berkecimpung lebih baik dan berkesan dengan masyarakat secara keseluruhan.

Rajah 4: Domain Hubungan Sosial



- 2006
- 2008
- 2011
- - - Tahap sangat baik
- - - Tahap sederhana baik
- - - Tahap kurang baik

3. Identiti

Skor bagi domain Identiti ialah 58.0 menunjukkan bahawa remaja Malaysia masih lagi mengekalkan identiti mereka sebagai rakyat Malaysia, namun masih ada ruang untuk penambahbaikan dilakukan. Domain Identiti merupakan indikator penting bagi kestabilan dan pertumbuhan masa depan. Walaupun skor bagi tahun 2011 adalah baik, namun begitu masih lagi menunjukkan penurunan berbanding skor pada tahun 2008, iaitu 63.7. Penurunan boleh dilihat melalui penyusutan nilai dalam kelima-lima indikator. Skor rendah yang berterusan bagi indikator Sosialisasi Politik sejak tahun 2006 menggambarkan kurangnya penglibatan belia terhadap proses politik, sedangkan ianya penting dalam mengukur sistem demokrasi Malaysia secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun tahap penglibatan yang rendah dalam kalangan belia Malaysia adalah selaras dengan kebanyakan negara lain termasuk di kebanyakan negara maju yang turut sama berhadapan dengan isu penglibatan golongan muda dalam proses politik. IBM'11 turut memuatkan indikator baru, iaitu Pendayaupayaan yang mana dapat mengukur perasaan kepunyaan dan keupayaan melaksanakan perubahan dalam komuniti.

Jadual 5:
Domain Identiti


Indikator	2006	2008	2011
Daya Saing	63.1	64.3	56.6
Sukarelawan	48.1	67.4	65.4
Patriotik	68.2	69.4	64.0
Perpaduan	73.5	76.0	71.1
Sosialisasi Politik	32.9	41.2	35.2
Skor IBM	57.2	63.7	58.5
Indikator Baru			
Pendayaupayaan	-	-	55.8
Jumlah Skor IBM	57.2	63.7	58.0

Berdasarkan skor indikator dalam Jadual 5, kita dapat membuat kesimpulan bahawa:

- Skor bagi indikator Daya Saing adalah menurun dari 64.3 pada 2008 kepada 56.6 pada 2011.
- Penglibatan belia dalam kesukarelawanan pada tahun 2011 (65.4) menunjukkan sedikit pengurangan berbanding tahun 2008

(67.4), tetapi masih lagi tinggi berbanding skor tahun 2006, iaitu 48.1.

- Semangat perpaduan dalam kalangan belia berbilang kaum juga menunjukkan sedikit pengurangan berbanding skor tertinggi, iaitu 76.0 pada tahun 2008 kepada 71.1 pada tahun 2011.
- Skor indikator bagi Pendayaupayaan belia untuk pertama kali adalah 55.8 yang menunjukkan skor yang sederhana bagi golongan belia Malaysia dalam soal semangat pendayaupayaan dan memerlukan perhatian pembuat dasar. Indikator ini mencerminkan pandangan golongan belia berkenaan perasaan kepunyaan dalam komuniti mereka. Ini penting untuk menjadikan mereka rakan kepada pembangunan negara.



4. Potensi Diri

Indeks domain Potensi Diri belia dipantau dalam tiga bidang, iaitu Kepimpinan, Keusahawanan dan Kemahiran pada tahun 2006 dan 2008. Bagi meningkatkan penilaian domain Potensi Diri, dua indikator baharu, iaitu Sensitiviti dan Kesedaran Alam Sekitar dimasukkan menggantikan bidang Kemahiran pada tahun 2011. Secara umum, skor domain ini telah meningkat pada tahun 2011 (66.7) berbanding pada tahun 2008 (63.9) dan tahun 2006 (59.2). Dengan skor 66.7 menunjukkan keupayaan belia mencungkil potensi diri mereka berada di tahap yang baik dan masih banyak ruang untuk potensi belia ini diperkembangkan. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit penurunan pada skor indikator Kepimpinan dari 65.3 pada tahun 2008 kepada 56.6 pada tahun 2011.


Jadual 6:
Domain Potensi Diri

Indikator	2006	2008	2011
Kepimpinan	67.2	65.3	56.6
Keusahawanan	51.6	63.3	68.6
Skor IBM	59.2	63.9	62.6
Indikator Baru			
Sensitiviti	-	-	69.1
Kesedaran Alam Sekitar	-	-	72.3
Jumlah Skor IBM	59.2	63.9	66.7

Berdasarkan skor empat indikator dalam domain Potensi Diri, bolehlah dirumuskan bahawa:

- Minat belia Malaysia untuk menjadi usahawan telah meningkat dari 51.6 pada tahun 2006, 63.3 pada tahun 2008 kepada 68.6 pada tahun 2011.
- Ciri kepimpinan belia menunjukkan penurunan semenjak 2006 dan daripada 65.3 pada tahun 2008 kepada 56.6 pada tahun 2011, tetapi masih kekal di tahap baik.
- Skor indikator Sensitiviti sebanyak 69.1 menunjukkan belia Malaysia adalah sensitif terhadap perbezaan nilai, budaya dan interaksi antara kaum berada pada tahap yang baik.

- Skor indikator Kesedaran Alam Sekitar sebanyak 72.3 menunjukkan kesedaran tentang kepentingan penjagaan alam sekitar dalam kalangan belia berada pada tahap yang baik.



5. Waktu Senggang

Bagaimana belia menggunakan waktu senggang dan jenis-jenis aktiviti yang dilakukan pada waktu senggang amat penting untuk memastikan pembangunan belia yang positif dan berkualiti. Pada tahun 2006 dan 2008, domain Waktu Senggang dinilai melalui tiga indikator; Sukan, Kelab dan Persatuan serta Senaman. Pada tahun 2011 satu indikator baru (Aktiviti Masa Lapang) telah digunakan untuk menggantikan indikator Senaman supaya satu indikator yang lebih tepat dan terperinci untuk memahami aktiviti masa lapang belia dapat dikenalpasti. Indikator aktiviti masa lapang ini diukur dengan 10 sub indikator yang lain yang diperincikan dalam Jadual 10.

Pada tahun 2006, domain ini memperoleh skor yang paling rendah, iaitu 21.0 dan berada di tahap lemah. Namun IBM'08 menunjukkan peningkatan dalam kalangan belia untuk memenuhi waktu senggang mereka, iaitu skor 29.3 dan berada dalam tahap sederhana baik. Dengan penambahan satu indikator baru, iaitu Aktiviti Masa Lapang, skor domain ini telah meningkat kepada 30.2 pada tahun 2011. Walaupun peningkatan tersebut tidak ketara, domain ini menunjukkan bahawa penglibatan belia dalam aktiviti masa lapang adalah lebih tinggi daripada penglibatan dalam sukan, kelab atau persatuan.

Jadual 7:
Domain Waktu Senggang


Indikator	2006	2008	2011
Sukan	14.3	47.7	21.3
Kelab dan Persatuan	19.9	10.9	17.8
Aktiviti Masa Lapang	-	-	51.5
Skor IBM	21.0	29.3	30.2

Skor indikator dalam Jadual 7 memberi implikasi berikut:

- Keinginan belia Malaysia untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan telah menurun dengan mendadak daripada skor 47.7 pada tahun 2008 kepada 21.3 dalam tahun 2011.

- Belia menunjukkan minat yang meningkat terhadap aktiviti berpersatuan, iaitu skor indikator Kelab dan Persatuan meningkat daripada 10.9 pada tahun 2008 kepada 17.8 pada tahun 2011.

- Walaupun aktiviti masa lapang merupakan indikator baru pada tahun 2011, skor yang tinggi (51.5) menunjukkan belia Malaysia meluangkan lebih banyak masa dalam aktiviti lapang ini berbanding aktiviti Sukan, Kelab dan Persatuan. Ini juga menunjukkan terdapat trend baru dalam penglibatan belia dalam aktiviti senggang berbanding dengan aktiviti konvensional seperti sukan, kelab dan berpersatuan.



5.1. Sukan


Berdasar kepada subindikator yang sama digunakan untuk mengukur domain sukan pada tahun 2006 dan 2008, skor penglibatan dalam sukan pada tahun 2011 telah menurun; daripada 47.7 pada tahun 2008 kepada 21.3 pada tahun 2011. Secara keseluruhannya, terdapat penurunan dalam penglibatan setiap sub

indikator pada tahun 2011 berbanding tahun 2008. Namun, bola sepak dan badminton masih merupakan sukan kegemaran dalam kalangan belia seperti pada tahun 2006 dan 2008. Pada tahun 2011, 11 acara sukan baru sebagai subindikator sukan telah dimasukkan untuk mengukur skor indikator sukan. Dengan penambahan 11 sub indikator ini, skor keseluruhan untuk domain sukan tidak jauh berbeza iaitu 21.3 berbanding skor tanpa subindikator baru iaitu 24.9. Secara keseluruhannya, penglibatan belia Malaysia dalam aktiviti sukan masih berada pada tahap yang rendah.

Jadual 8:
Indikator Sukan

Indikator	2006	2008	2011
Bola Sepak	28.2	59.8	39.4
Tenis	6.1	29.9	16.4
Skuasy	4.3	-	15.2
Badminton	36.8	69.8	43.9
Bola Keranjang/Bola Jaring	-	49.8	24.0
Renang	11.8	39.5	20.7
Hoki	5.4	39.7	15.6
Lumba Lari	12.5	39.8	19.7
Lumba Motor	8.8	48.9	16.8
Futsal	12.4	49.6	32.2
Bowling	16.7	49.9	30.1
Skor IBM	14.3	47.7	24.9
Indikator Baru			
Gimnastik	-	-	14.5
Sepak Takraw	-	-	21.5
Mendaki Gunung/Bukit	-	-	19.1
Ragbi	-	-	14.7
Snooker	-	-	19.8
Ping Pong	-	-	18.5
Street Soccer	-	-	15.0
Catur	-	-	18.6
Memancing	-	-	24.2
Ice Skating	-	-	14.2
Paintball	-	-	15.3
Skor IBM	-	-	17.8
Jumlah Skor IBM	14.3	47.7	21.3

Rajah 8: Indikator Sukan



5.2. Kelab dan Persatuan


Kelab dan Persatuan merupakan indikator kedua yang terkandung dalam domain Waktu Senggang. Sebanyak 9 subindikator telah digunakan untuk mendapatkan indeks indikator tersebut pada tahun 2006 dan 2008. Bagi mendapatkan indeks penglibatan belia dalam kelab dan persatuan dengan lebih menyeluruh, enam subindikator baru telah dimasukkan ke dalam domain ini pada tahun 2011 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 9.

Jadual 9: Indikator Kelab dan Persatuan			
Indikator	2006	2008	2011
Kelab Sukan	23.7	26.2	38.0
Persatuan Rekreasi	7.0	7.0	14.8
Persatuan Kebajikan	11.2	11.1	20.3
Persatuan Seni			
Mempertahankan Diri	11.1	11.6	19.3
Persatuan Belia	10.3	10.2	20.1
Persatuan Alam Sekitar	-	6.2	14.2
Kelab Usahawan	-	7.7	14.8
Persatuan Bulan Sabit Merah	8.3	9.8	14.5
Persatuan Pengakap/Pandu Puteri	8.3	8.8	21.0
Skor IBM	19.9	10.9	19.7
Indikator Baru			
Kelab Perkhidmatan (cth. Kelab Rotary, Kelab Lion dan lain-lain)	-	-	12.5
Persatuan Profesional (cth. Peguam, dan Kejuruteraan dan lain-lain)	-	-	12.5
Kelab Sukan Motor	-	-	15.3
Kelab Kesenian dan Kebudayaan (cth. Tarian dan lain-lain)	-	-	15.6
Persatuan Keagamaan	-	-	18.5
Persatuan Alumni	-	-	16.0
Skor IBM	-	-	15.1
Jumlah Skor IBM	19.9	10.9	17.8

Berbanding dengan skor pada tahun 2006, iaitu 19.9, terdapat sedikit penurunan skor pada tahun ini, iaitu 19.7.

Walaupun bagaimanapun, berbanding dengan tahun 2008 (10.9), terdapat peningkatan yang memberangsangkan bagi penglibatan dalam kelab dan persatuan pada tahun ini, iaitu 19.7. Seperti tahun 2006 dan 2008, di antara kesemua jenis aktiviti kelab dan persatuan yang disertai belia, kelab sukan berada pada tahap yang memuaskan, iaitu 38.0 dan pola ini menunjukkan peningkatan.

Pada tahun 2011, enam subindikator Kelab dan Persatuan baru telah ditambah kepada senarai sub indikator yang sedia ada. Skor keseluruhan indikator Kelab dan Persatuan selepas penambahan sub indikator ini tidak banyak berubah, iaitu 17.8 dan skor ini lebih tinggi berbanding skor tahun 2008, iaitu 10.9. Walaupun terdapat peningkatan dalam skor untuk tahun 2011, tetapi penglibatan belia Malaysia dalam kelab dan persatuan masih berada pada tahap yang rendah.



5.3. Aktiviti Masa Lapang

Aktiviti Masa Lapang merupakan indikator ketiga dan indikator yang baru ditambah kepada penilaian domain Waktu Senggang pada tahun 2011. Sebanyak 10 subindikator telah digunakan untuk mengukur indikator Aktiviti Masa Lapang ini. Indikator Aktiviti Masa Lapang ini ditambah ke dalam penilaian domain Waktu Senggang ini kerana belia Malaysia masa kini bukan sahaja terlibat dalam aktiviti sukan, bersenam atau kelab dan berpersatuan pada waktu senggang, belia hari ini juga terlibat dalam banyak aktiviti lain yang tidak menjadi salah satu fokus dalam Indeks sebelum ini. Oleh itu para penyelidik telah mengenal pasti 10 aktiviti yang paling popular dalam kalangan belia. Ia dijadikan sebagai subindikator untuk mengukur indikator Aktiviti Masa Lapang seperti yang disenaraikan dalam Jadual 10.

Jadual 10:
Domain Masa Lapang

Indikator	2006	2008	2011
Laman Sosial/Blogging	-	-	66.7
Hiburan (cth. Karaoke, clubbing, wayang, menonton TV,VCD,DVD dsb)	-	-	83.3
Shopping	-	-	43.6
Perpustakaan/Kedai Buku	-	-	30.0
Kerja-kerja Sukarela	-	-	26.8
Melepak (cth. kedai Mamak, MacDonald, Starbucks etc)	-	-	40.8
Main Permainan Komputer (cth. PSP, PS2, PS3 dll)	-	-	30.2
Mengunjungi Tempat Ibadat	-	-	36.0
Hobi (cth. Fotografi, Melukis, Main alat muzik, Kraftangan dll)	-	-	75.2
Aktiviti Rekreasi (berkelah, berkhemah, melancong dll)	-	-	82.7
Skor IBM	-	-	51.5

Daripada skor yang didapati, terdapat empat aktiviti masa lapang yang menunjukkan penglibatan belia pada tahap sangat baik. Antaranya Aktiviti Hiburan (83.3), Aktiviti Rekreasi (82.7), Hobi (75.2) dan Laman Sosial (66.7). Keenam-enam aktiviti masa lapang yang lain menunjukkan penglibatan belia berada pada tahap yang sederhana baik sahaja.

Rajah 10: Indikator Masa Lapang




6. Kesihatan

Lapan indikator telah digunakan untuk mengukur indeks domain Kesihatan pada tahun 2006 dan 2008. Oleh kerana masalah kesihatan juga merupakan satu masalah yang dihadapi oleh golongan belia, maka empat indeks baru telah ditambah untuk mengukur indeks domain Kesihatan pada tahun 2011 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11.

Jadual 11:
Domain Kesihatan

Indikator	2006	2008	2011
Tiada Tekanan Darah Tinggi	95.6	94.0	95.0
Tiada Penyakit Kencing Manis	98.5	97.3	98.0
Tiada Penyakit Kanser	99.8	99.7	99.9
Tiada Sakit Jantung	99.1	99.1	99.6
Tiada Sakit Buah Pinggang	99.1	99.1	99.5
Tiada Penyakit Asma	94.2	92.8	95.1
Tiada Penyakit HIV/AIDS	99.9	99.8	99.8
Tiada Lebihan Berat Badan/Obesiti	95.0	94.8	96.3
Skor IBM	97.7	97.1	97.9
Indikator baru			
Tiada Penyakit Berjangkit (Tibi dll)	-	-	99.8
Tiada Insomnia	-	-	97.2
Tiada Gastrik	-	-	89.3
Tiada Penyakit Jangkitan Seks (STD)	-	-	99.8
Skor IBM	-	-	96.5
Jumlah Skor IBM	97.7	97.1	97.4

Berdasarkan kepada skor indikator tahun 2006 dan 2008, terdapat peningkatan pada skor 2011. Skor pada tahun 2006 adalah 97.7 dan skor pada tahun 2008 adalah 97.1 berbanding skor tahun 2011, iaitu 97.9. Ini menunjukkan bahawa jumlah belia yang menghadapi penyakit-penyakit yang tersenarai telah berkurangan. Walaupun dengan adanya empat indikator baru, skor indikator Kesihatan secara keseluruhannya tidak banyak berbeza; sedikit penurunan daripada 97.9 kepada 97.4. Skor ini tidak banyak berbeza berbanding dengan skor tahun 2006 dan tahun 2008 iaitu 97.7 dan 97.1. Berdasarkan kepada skor-skor indikator kesihatan ini, boleh dirumuskan bahawa tahap kesihatan para belia Malaysia adalah sangat baik.



7. Ketembusan Media

Secara keseluruhan, skor Ketembusan Media pada 2011 adalah 87.4 dan tidak banyak berubah berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya iaitu pada skor 84.8 bagi tahun 2006 dan skor 85.0 pada tahun 2008. Belia Malaysia terhubung secara terus dengan pelbagai jenis saluran media. Jadual 12 menunjukkan golongan belia yang terlibat secara aktif dengan media mengikut indeks tahunan.


Jadual 12:
Domain Ketembusan Media

Indikator	2006	2008	2011
Televisyen Percuma	96.9	95.3	95.6
Televisyen Berbayar	66.7	75.9	77.0
Radio	94.8	90.8	92.5
Akhbar/Majalah	95.2	93.7	95.2
Buku	84.6	83.3	88.1
Telefon Bimbit	93.1	94.9	96.6
Komputer	79.3	79.7	83.3
Internet	-	74.3	82.1
CD/DVD/MP3/MP4 Player	67.5	77.4	76.1
Skor IBM	84.8	85.0	87.4

Beberapa rumusan dapat dibuat berdasarkan domain ketembusan media seperti berikut:

- Skor Ketembusan Media untuk media berbentuk tradisional seperti Televisyen Percuma, Radio, Akhbar dan Komputer adalah tinggi dan tidak berubah berbanding indeks sebelum ini. Ia menunjukkan bahawa golongan belia masih bergantung kepada media berbentuk tradisional sebagai sumber rujukan terpenting. Skor daripada sumber rujukan buku menunjukkan sedikit peningkatan daripada 83.3 kepada 88.1.
- Hanya penggunaan internet menunjukkan peningkatan yang tinggi berbanding indeks sebelum ini. Hal ini menunjukkan bahawa golongan belia terdedah dengan media global dan pengaruh ICT seperti jaringan sosial.

Rajah 12: Domain Ketembusan Media



8. Tingkah Laku Devian

Domain Tingkah Laku Devian merangkumi 13 indikator salah laku yang sering dikaitkan dengan belia. Terdapat tiga indikator terdahulu yang tidak dimasukkan sebagai indikator Tingkah Laku Devian pada tahun 2011, iaitu merokok, melepak dan membaca bahan lucah. Sebaliknya tujuh indikator tambahan dimasukkan, iaitu membawa senjata, memeras ugut, mencuri hak milik orang lain, mencederakan orang lain, terlibat dalam gangsterisme, mengedar dadah/bahan terlarang, dan jenayah siber.

Jadual 13: Domain Tingkah Laku Devian			
Indikator	2006	2008	2011
Tidak mabuk sehingga mengganggu ketenteraman awam	84.2	85.9	98.9
Tidak mengambil dadah/ bahan terlarang	98.2	98.7	99.0
Tidak berjudi sehingga berhutang	86.6	88.7	99.0
Tidak mengadakan hubungan seks di luar nikah / sebelum berkahwin	92.1	92.8	97.3
Tidak merosakkan harta benda awam /vandalism	94.6	95.8	97.7
Tidak berlumba motor haram (merempit)	95.4	96.3	96.4
Skor IBM	91.8	93.0	98.0
Indikator Baru			
Tidak mengedar dadah/ bahan terlarang	-	-	99.5
Tidak membawa senjata	-	-	94.5
Tidak memeras ugut	-	-	98.9
Tidak mencuri hak milik orang lain	-	-	97.9
Tidak mencederakan orang lain	-	-	97.9
Tidak terlibat dalam gangsterism	-	-	98.6
Tidak terlibat dalam jenayah siber (menggodam, cetak rompak, dll.)	-	-	98.0
Skor IBM	-	-	97.9
Jumlah Skor IBM	-	-	98.0

Perlu ditekankan bahawa beberapa indikator dalam Indeks Belia Malaysia 2011 menambahbaik indikator dalam indeks terdahulu bagi mencerminkan populasi pelbagai budaya (majmuk) di Malaysia. Oleh itu domain mengenai mabuk mempunyai pelbagai makna berdasarkan perspektif pelbagai kaum. Oleh itu, terdapat kemungkinan bahawa takrifan pelbagai ini mempengaruhi skor bagi indikator tersebut.

Skor domain Tingkah Laku Devian menunjukkan dapatan

yang amat memberangsangkan, di mana terdapat penglibatan belia yang sangat minima dalam tingkah laku mabuk sehingga mengganggu ketenteraman awam, berjudi sehingga berhutang, merosakkan harta benda awam dan mengadakan hubungan seks di luar nikah. Namun demikian, tidak terdapat perbezaan ketara dalam tahap penglibatan belia dengan kegiatan rempit dan pengambilan dadah berbanding tahun terdahulu. Merujuk kepada indikator baru yang dimasukkan, terdapat penglibatan yang sangat minima dalam salah laku seperti pengedaran dadah, memeras ugut dan gangsterisme berbanding dengan salahlaku lain seperti membawa senjata, mencuri, mencederakan orang lain dan jenayah siber. Secara keseluruhannya majoriti belia Malaysia mempunyai kesedaran yang sangat jelas tentang tingkah laku yang bertentangan dengan norma dan berupaya mengawal diri mereka daripada terjerumus dengan tingkah laku devian.



9. Kesejahteraan Ekonomi

Indeks Kesejahteraan Ekonomi merupakan domain yang baru diperkenalkan pada 2011 bagi melengkapkan domain sedia ada dalam pengukuran IBM. Terdapat empat indikator yang digunakan bagi mengukur Kesejahteraan Ekonomi, iaitu Jaminan Kewangan, Kebebasan Kewangan, Penggajian, dan Kebolehpekerjaan. Jadual 14 menunjukkan skor indeks bagi domain Kesejahteraan Ekonomi. Skor Indeks keseluruhan iaitu 46.9 adalah sederhana dengan Kebebasan Kewangan mencatatkan skor paling rendah (43.0).

Jadual 14:
Domain Kesejahteraan Ekonomi

Indikator	2006	2008	2011
Jaminan Kewangan	-	-	50.7
Kebebasan Kewangan	-	-	43.0
Penggajian	-	-	44.3
Kebolehpekerjaan	-	-	49.8
Skor IBM	-	-	46.9

Analisis secara lebih terperinci menunjukkan 60% daripada responden bersetuju yang mereka tidak mempunyai pendapatan tetap dan mencukupi bagi memenuhi keperluan dan 77% berasa bimbang dengan kedudukan kewangan mereka. Hampir 74% daripada responden bersetuju yang mereka perlu melakukan kerja tambahan atau kerja lebih masa sebagai pelengkap kepada pekerjaan utama. Manakala 45% pula bersetuju yang mereka tidak mempunyai simpanan di masa kecemasan. Tahap kebebasan kewangan adalah sederhana di mana 63% responden menyatakan mereka risau terhadap ketidakupayaan mereka untuk membayar balik pinjaman. Dari segi kebolehpekerjaan pula, 48% responden bersetuju bahawa adalah sukar untuk mendapat pekerjaan yang setara dengan kelayakan mereka. Secara ringkasnya, skor indeks yang sederhana bagi domain Kesejahteraan Ekonomi dijelaskan oleh pendapatan yang kurang mencukupi dan tahap kebolehpekerjaan yang boleh dikategorikan sebagai rendah yang

seterusnya membawa kepada kurangnya tahap jaminan kewangan. Keadaan ini mungkin dapat dijelaskan dengan faktor ekonomi yang terkesan daripada krisis ekonomi global.

Rajah 14: Domain Kesejahteraan Ekonomi



KESIMPULAN

Bagi memberikan gambaran yang lebih holistik dan menyeluruh tentang kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia pada tahun 2011, terdapat beberapa domain baru yang dibentuk dalam Indeks Belia Malaysia 2011 yang akan hanya dapat dibandingkan pada tahun akan datang.


Pada tahun 2011 ini, didapati bahawa kualiti dan kesejahteraan hidup generasi belia di Malaysia masih berada di tahap BAIK. Berbanding dengan tahun asas 2006 dan 2008, terdapat domain yang menunjukkan prestasi yang lebih baik dan ada juga domain yang menunjukkan prestasi yang menurun.

Kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan dapatan Indeks Belia Malaysia 2011 ialah Belia Malaysia masa kini menunjukkan potensi yang tinggi dan terbimbing sebagai rakan pembangunan Negara. Walau bagaimanapun, skor beberapa domain meliputi kesihatan mental, pemerkasaan oleh komuniti, keupayaan dari segi ekonomi, sosialisasi politik dan dayasaing juga menunjukkan bahawa Belia Malaysia sangat memerlukan sokongan emosi dan psikologikal yang lebih holistik dari semua peringkat masyarakat agar kualiti dan kesejahteraan hidup mereka kekal seimbang dan positif. Skor yang rendah dan trend penurunan dalam domain berkenaan menunjukkan bahawa Belia Malaysia terhubung melalui elektronik dan maya, tetapi semakin tersisih dalam hubungan antara diri mereka sendiri, keluarga, masyarakat dan proses politik. Secara khususnya, sub domain tekanan memerlukan perhatian segera dari semua pihak pemegang taruh pembangunan belia. Skor rendah bagi waktu senggang juga menunjukkan terdapatnya keperluan yang penting untuk memperkasakan pertubuhan belia dalam negara bagi menjadi penggerak pembangunan Belia Malaysia.

Kesedaran terhadap kesihatan fizikal, kecenderungan yang tinggi terhadap penggunaan komunikasi dan teknologi maklumat terutamanya melalui jaringan sosial menunjukkan Belia Malaysia terhubung sepenuhnya dengan media perdana dan alternatif, dan sentiasa mendapatkan maklumat dan berpotensi untuk dilibatkan sebagai rakan pembangunan Negara.

IBM adalah indeks untuk memantau dinamika pembangunan Belia Malaysia. Dapatan IBM ini memberi

indikator bahawa pendekatan pembangunan belia yang lebih holistik, dan 'mesra belia' yang dalam masa yang sama menghormati nilai agama dan budaya masyarakat pelbagai kaum di Malaysia adalah penting bagi memastikan kelestarian keterlibatan belia sebagai rakan pembangunan Negara.



Jadual 15: Indeks Belia Malaysia berdasarkan jantina

Domain	Indikator	Skor Indikator Lelaki	Skor Domain	Skor Indikator Perempuan	Skor Domain
Pembangunan Kendiri	Penghargaan Kendiri	72.30	-	72.79	-
	Efikasi Diri	72.01	-	71.53	-
	Motivasi	73.20	-	73.25	-
	Kecerdasan Emosi	62.08	-	63.78	-
	Asertif	63.03	-	63.68	-
	Tiada Kemurungan	79.66	-	81.13	-
	Tiada Tekanan	36.61	-	35.76	-
	*Integriti	70.54	-	71.89	-
	*Keagamaan	72.35	-	74.53	-
		601.78	66.86	608.34	67.59
Hubungan Sosial	Hubungan dengan Ibu Bapa/Keluarga	69.33	-	72.94	-
	Hubungan dengan Masyarakat	64.49	-	63.13	-
	Hubungan dengan Rakan	72.55	-	71.38	-
		206.37	68.79	207.45	69.15
Identiti	Daya Saing	58.1733	-	54.76	-
	Sukarelawan	64.6652	-	66.52	-
	Patriotik	64.844	-	63.16	-
	Perpaduan	69.9641	-	72.32	-
	**Sosialisasi Politik	38.68	-	31.53	-
	*Pendayaupayaan	56.9991	-	54.46	-
		353.33	58.89	342.75	57.13
Potensi diri	Kepimpinan	57.46	-	62.73	-
	Keusahawanan	69.52	-	69.62	-
	*Sensitiviti	71.23	-	74.78	-
	*Kesedaran Alam Sekitar	68.46	-	72.37	-
		266.67	66.67	279.49	66.69

* Domain dan sub-domain baru, ** 21- 40 tahun

Jadual 15: Indeks Belia Malaysia berdasarkan jantina

Domain	Indikator	Skor Indikator Lelaki	Skor Domain	Skor Indikator Perempuan	Skor Domain
Waktu Senggang	Sukan	23.67	-	18.75	-
	Kelab/Persatuan	18.88	-	16.66	-
	*Aktiviti Masa Lapang	51.51	-	50.65	-
		94.06	31.35	86.06	28.69
Kesihatan	Tiada tekanan darah tinggi	95.05	-	94.87	-
